



SIARAN AKHBAR

PRESS STATEMENT

S.A. 2016/04/26 (HQ)

TNB BELANJA RM11.8 JUTA PERKUKUHKAN INFRASTRUKTUR ELEKTRIK DI KUALA LUMPUR

Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada tahun ini memperuntukkan perbelanjaan modal sebanyak RM11.8 juta untuk penyediaan kemudahan infrastruktur dan rangkaian kabel serta pencawang di kawasan barat Kuala Lumpur.

Menurut Pengurus Besar (Kuala Lumpur), Bahagian Pembahagian TNB, Dato' Ir. Lim Yew Soon, peruntukan sebanyak RM11.8 juta tersebut bertujuan untuk memperkukuhkan lagi sistem bekalan elektrik di kawasan barat Kuala Lumpur termasuk kawasan Damansara Damai.

Tambah beliau lagi, hasil daripada komitmen pengurusan TNB Kuala Lumpur, tempoh gangguan bekalan elektrik di seluruh Kuala Lumpur pada tahun lalu merekodkan catatan hanya 28.83 minit bagi setiap pengguna. Manakala Kawasan Damansara Damai berjaya mencatatkan tempoh gangguan lebih rendah, 20.8 minit sahaja pada tahun lalu.

Ir. Lim Yew Soon turut menyeru kepada para pengguna supaya menggunakan elektrik secara berhemah, selamat, dan bijak iaitu dengan mematuhi peraturan-peraturan yang telah digariskan bagi mengelakkan kemalangan yang boleh meragut nyawa.

Di majlis tersebut, TNB turut menyumbangkan sebanyak 17 buah penghawa dingin, dimana 14 unit akan disumbangkan kepada Persatuan Penduduk Damansara Damai dan selebihnya untuk tiga buah sekolah di kawasan berdekatan. Kesemua sumbangan ini bernilai RM26,000.

Turut hadir, waki Suruhanjaya Tenaga Negeri Selangor, KL & Putrajaya, Mohamad Zaid Bahari Bujang .

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 16 April 2016

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /
Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) / Puti Mazlina Mashudi (013-3642727)*

media@tnb.com.my